

07/03/2003

Mengubah pemikiran bangsa

Transkrip soal jawab Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) dengan ahli Persatuan Oxbridge Malaysia di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, semalam.

SOALAN: Pada pandangan Datuk Seri, apakah kementerian yang memerlukan sokongan dan bantuan dalam usaha menyediakan rakyat bagi menghadapi cabaran masa depan? Kementerian mana yang Datuk Seri berminat untuk terajui apabila menjadi Perdana Menteri kelak?

PAK LAH: Pertama, Kementerian Pendidikan. Soalan kedua, saya akan putuskan apabila tiba masanya.

SOALAN: Apakah rancangan Pak Lah apabila menjadi Perdana Menteri kelak bagi memastikan rakyat dan negara ini terus berdaya saing?

PAK LAH: Tidak sesuai untuk saya menggariskan rancangan akan datang pada waktu ini. Bagaimanapun, untuk masa ini, saya sudah memutuskan untuk menyediakan rakyat negara ini menghadapi segala cabaran yang akan datang.

Ini termasuk mengubah pemikiran rakyat seperti yang dilakukan Perdana Menteri. Perkara ini bukan mudah. Perdana Menteri juga pernah menyuarakan

kekesalannya kerana gagal mengubah pemikiran rakyat negara ini walaupun pelbagai perkara sudah dilakukan, untuk Malaysia dan Melayu.

Dalam hal ini, saya rasa tidak adil jika kita tujukan masalah yang berlaku pada bangsa Melayu semata-mata sebaliknya semua kaum di negara ini. Kita memang sering membuat kesimpulan dan anggapan, kalaulah orang itu dapat jadi begini, orang ini jadi begitu apabila berhadapan dalam sesuatu keadaan.

Saya terkejut dengan kajian yang menunjukkan daripada 56 hotel terkemuka

yang disenaraikan di Asia, hanya sebuah hotel dari Malaysia. Mesti ada sesuatu yang tidak kena di sini. Kita beranggapan kita mempunyai hotel yang bagus. Kita juga tidak menolak kemungkinan perkara ini disebabkan pertimbangan yang berat sebelah. Namun, hakikatnya, kita tidak boleh berpuas hati dan berasa selesa dengan apa yang kita ada. Masyarakat Malaysia hari ini masih kurang kesedaran sivik malah tingkah laku juga kurang memuaskan. Sebagai contoh, kemalangan di jalan raya. Kita menyediakan infrastruktur yang begitu baik, ada jalan yang luas dan pembahagi jalan tetapi kemalangan tetap berlaku. Mengapa ini berlaku? Ini

kerana sikap dan inilah yang perlu diubah, perubahan sikap dan pemikiran.

Kita diiktiraf sebagai antara negara yang terbaik dalam pembangunan infrastruktur. Kita harus menghargai kedudukan dan kemudahan ini dengan memanfaatkan sebaiknya apa yang kita ada. Malaysia adalah antara negara yang kaya dengan kepelbagaian sumber biologi. Apa yang kita akan lakukan dengan kekayaan ini? Kita seharusnya membangunkan teknologi bagi memajukan

bidang ini. Semua ini memerlukan pembangunan minda. Kita kena tingkatkan perisian.

SOALAN: Rakyat Malaysia dianggap beragama, baik Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan anutan lain. Bagaimanapun dari segi amalan dan masalah sosial yang melanda, kita sebenarnya tidak bertamadun (ugly Malaysian). Bagaimana masalah ini dapat diatasi?

PAK LAH: Jawapannya terletak pada pendidikan di sekolah. Kita harus mendidik anak-anak supaya mereka menjadi insan yang bertanggungjawab dan membuat sumbangan kepada rakyat serta negara.

Sekolah hari ini menyediakan pelbagai kemudahan yang lebih baik berbanding zaman dulu. Guru-guru lebih terlatih, makmal dilengkapi dengan peralatan yang bagus, pendek kata generasi muda hari ini mempunyai segala kemudahan yang diperlukan berbanding generasi muda pada zaman kita dulu, lebih berpengetahuan dan lebih peluang. Tetapi, kita harus memastikan sumbangan mereka juga lebih baik, bukan saja dari segi jumlah atau bilangan tetapi mutu.

Oleh itu, kita harus memberi tumpuan kepada generasi muda bukan saja mereka yang masih bersekolah, malah yang tidak bersekolah termasuk di sektor swasta. Mereka ini akan menjadi pembuat keputusan dalam apa yang akan kita capai menerusi Wawasan 2020.

Banyak perkara yang perlu dilakukan dan ini semua memerlukan kerjasama semua, bukan kerajaan semata-mata. Sektor korporat juga perlu membantu, seluruh rakyat Malaysia perlu membantu, termasuk mereka yang di rumah menerusi pendidikan di rumah.

Oleh itu, cadangan program berkembar untuk sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan adalah supaya anak-anak ini dapat bermain bersama, bekerja bersama. Ini merapatkan hubungan antara kaum dan menjadikan mesra antara satu sama lain, tanpa mengira kaum dan agama.

SOALAN: Bolehkah rakyat Malaysia bersaing lebih baik sebagai bangsa Malaysia dan bukan sebagai Melayu, Cina atau pun India? Bilakah identiti bangsa Malaysia akan dimasukkan dalam kad pengenalan?

PAK LAH: Bangsa Malaysia boleh menjadi yang terbaik dan bersaing di arena antarabangsa jika sanggup mengorbankan masa dan tenaga selain berhati-hati dalam segala tindak tanduk. Kita boleh jadi yang terbaik. Sebagai contoh, Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Ke-13 yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini, membuktikan rakyat Malaysia

boleh bekerjasama untuk menjadi yang terbaik. Sidang kemuncak NAM berlangsung dengan cemerlang. Walaupun banyak kerja yang perlu dilaksanakan, kita berjaya melakukannya kerana kita fokus dan bekerjasama

bagi menjayakannya. Tiada mana-mana pihak yang mencetuskan masalah sebaliknya semua pihak memastikan sidang kemuncak itu berjalan lancar.

Satu lagi contoh ialah kejayaan Muhammad Hafiz Hashim menjuarai perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Seluruh England, baru-baru ini. Selepas 37 tahun, beliau membuat kita berasa sungguh bangga dan kita berharap kejayaan ini adalah permulaan bagi kejayaan yang lebih besar. Kedua-dua contoh ini menunjukkan rakyat Malaysia sebenarnya boleh mencapai

kemajuan dan bersaing di arena antarabangsa. Kita harus berusaha bagi memberi lebih pengertian kepada slogan Malaysia Boleh.

Kita harus fokus dalam apa yang kita lakukan, begitu juga dalam

perniagaan. Jika kita ceburi terlalu banyak perniagaan pada satu-satu masa, kita akan menjadi tidak fokus. Oleh itu, setidak-tidaknya kita perlu

ada satu perniagaan utama, perniagaan teras dan kita menjadi yang terbaik

daripada yang terbaik. Malaysia Boleh dan tetap boleh.

SOALAN: Apakah ciri yang Pak Lah mahukan pada seseorang ahli politik Malaysia?

PAK LAH: Integriti (berwibawa), jujur, ikhlas, bekerja kuat dan tidak terbabit dalam rasuah. Ini yang saya mahu lihat ada pada ahli politik kita.

SOALAN: Apakah falsafah Pak Lah?

PAK LAH: Sebagai seorang Islam, kita hanya boleh bekerja kuat untuk menjadi yang terbaik. Tetapi, yang menentukan adalah Allah. Lebih-lebih lagi untuk kedudukan ini, sebagai seorang menteri sekali pun, kita hanya boleh merancang tetapi takdir yang menentukan. Saya percaya, kerana berpegang kepada falsafah inilah maka saya tidak terjejas walaupun berhadapan dengan pasang-surut, jatuh-naik dalam politik. Itu semua tidak

penting bagi saya. Apa yang lebih penting ialah bekerja kuat dan menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

SOALAN: Adakah Malaysia perlu menjadi pencipta teknologi untuk maju?

PAK LAH: Untuk maju, kita tidak seharusnya menjadi pengguna semata-mata.

Kita harus memberi lebih tumpuan dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan beri pengiktirafan kepada mereka yang terbabit, termasuk memberi kemudahan yang diperlukan. Jangan suruh orang buat (R&D)

saja tetapi tidak memberi galakan dan kemudahan yang mencukupi. Ada juga yang berkata, kita beri macam-macam kepada pihak terbabit, termasuk peruntukan tetapi mereka tidak gunakan, tidak belanjakan dan ada yang tidak mahu terbabit (menjalankan R&D) kerana tiada penghargaan, pulangan.

Mereka tidak nampak pembangunan kerjaya sebagai penyelidik. Mengapa? Ini kerana mereka tidak nampak masa depan yang lebih cerah berbanding mereka yang menggunakan hasil penyelidikan mereka.

Oleh itu, kita harus mengubah keadaan ini. Kita kena tingkatkan R&D kerana tanpa R&D, kita tidak boleh pergi jauh. Kita akan terus menjadi pengguna dan penjual teknologi. Kita harus mengubah keadaan ini dan menjadi pencipta. Untuk itu, kita harus memberi pengiktirafan kepada penyelidik. Beri mereka insentif dan ganjaran yang sepatutnya bagi membolehkan mereka boleh bekerja lebih kuat.

SOALAN: Adakah kerajaan berusaha bersungguh-sungguh bagi memanggil pulang saintis tempatan yang bekerja di luar negara?

PAK LAH: Kita menggalakkan saintis ini pulang dan berkhidmat dalam negara. Setakat ini, ramai yang sudah pulang, sama ada membawa perniagaan

dan kepakaran mereka. Mereka dapati banyak perkara yang baik berlaku dalam

negara dan mempunyai peluang untuk berjaya di negara sendiri. Kita juga menggalakkan mereka untuk menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara. Menerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), kita menggalakkan rakyat Malaysia di luar negara ini pulang dan membangunkan R&D di dalam negara. Jika tuan-tuan mempunyai rakan di luar negara,

yang

mempunyai kepakaran tertentu dan terbabit dalam R&D, maklumkan kepada kami.

SOALAN: Pada pendapat Pak Lah, apakah ancaman utama yang dihadapi negara? Rasuah dan perpecahan kaum?

PAK LAH: Semua ini adalah ancaman tetapi yang paling kita bimbangkan ialah ektremisme, tidak kira sama ada dalam agama mahu pun perkauman. Ia boleh membawa kepada keganasan. Kita tidak mahu terbabit atau diancam masalah ini dan untuk itu kita menentang sebarang bentuk keganasan ini. Kita mahukan keamanan.

SOALAN: Adakah Pak Lah bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa peperangan terhadap Iraq adalah peperangan terhadap Islam?

PAK LAH: Ya, ini benar. Pandangan saya sama seperti Perdana Menteri. Oleh itu, kita tidak mahu peperangan. Kita menentang langkah ini dan melakukan apa yang kita boleh supaya tidak ada sebarang bentuk tindakan ketenteraan atau peperangan di Iraq. Kita akui suara kita tidak akan memberi apa-apa makna kalau hanya kita yang bersuara. Namun, perkembangan

yang berlaku di seluruh dunia ketika ini amat positif. Rata-rata masyarakat dunia menentang tindakan Amerika Syarikat ini.

Pada masa yang sama, kita berharap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan mereka membawa keamanan kepada dunia sejagat. Peperangan bukanlah jalan penyelesaian kepada sebarang masalah. Kita memilih keamanan. Kita sedar perkara ini lebih mudah untuk diperkatakan daripada dilaksanakan tetapi sekurang-kurangnya kita harus mencuba.